

TINGKATAN 4

SEJARAH

NOTA

BAB 2 KEBANGKITAN NASIONALISME

MENGIKUT SUKATAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA

Copyright © ANDREW CHOO Exam Tips
All rights reserved.

***For 100% Real 2020 Exam Tips,
Pre-order the Exam Tips Book which is
more details with questions and
answers before the price going up.***

www.andrewchoo.edu.my

012-3260392

2.1 Nasionalisme

- Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.
- Semangat yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara.
- Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.

Pendapat Tokoh

Hans Khon	Satu Gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang kepada negara atau bangsanya.
Prof. William R.Roff	Nasionalisme Melayu wujud disebabkan ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu dan ekonomi. Bimbang terhadap sekularisme dan imperialisme.
Dato' Onn Jaafar	Menzahirkan satu bangsa yang lebih tegap dan kuat, berdikari dan mengambil tempat sebenar disisi bangsa-bangsa lain.
Dr. Burhanuddin al-Helmi	Mesti ada persatuan dan perpaduan (National Fronts). Tetap berpegang pada tata tertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam.
Dr. S. Suntharalingam	Fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia untuk menubuhkan negara sendiri dan memindahkan kedaulatan kepada rakyat. Menuntut kesetiaan ulung individu disalurkan kepada negara bangsa itu.
Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid	Kesetiaan kepada raja. Orang Melayu berpegang pada faham kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan"
Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim	Perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

- Perasaan cinta akan negara bagi membina negara bangsa sendiri dan melahirkan identiti sendiri.
- Gerakan yang melahirkan perasaan kekitaan dengan menggunakan persamaan kebudayaan dan pengalaman sejarah. Membina bangsa yang bersatu dan negara yang berdaulat.

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

Revolusi Keagungan (1688) (Glorious Revolution)

- Raja James II membelakangkan parlimen.
- Ahli parlimen bangkit dan sokong Mary II dan suaminya, Raja William of Orange.
- Raja James II lari ke Perancis.
- Revolusi Keagungan berjaya.
- Mary II dan suaminya, Raja William of Orange – keadulatan parlimen dan raja berperlembagaan dimantapkan.
- Bill of Rights – hak parlimen menggubal undang-undang dan mengutip cukai.
- John Locke – Two Treatises of Government – persetujuan antara raja dan pemerintah, undang-undang perlu digubal.

REVOLUSI AMERIKA (1776)

- Jamuan Teh Boston – penentangan orang Amerika terhadap cukai dan monopoli British dalam perdagangan teh di Amerika.
- Membuang teh ke laut di pelabuhan Boston.
- Tindak balas British mencetuskan Revolusi Amerika.
- Rakyat Amerika menentang penjajahan British.
- Menentang Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
- Tiada Cukai Tanpa Perwakilan – tiada wakil Amerika dalam Parlimen British.
- Kongres – George Washington ketua kongres dan meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika (tulisan Thomas Jefferson)
- Jika kerajaan gagal menjamin hak kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan – maka kerajaan membentuk kerajaan sendiri.
- Revolusi Amerika berakhir 1783 dan 13 buah bekas jajahan digabungkan menjadi Amerika Syarikat.

REVOLUSI PERANCIS (1789)

- Idea pemikir Perancis Jean Jacques Rousseau dan Voltaire
- Jean Jacques Rousseau – Social Contract – suara rakyat merupakan “Hasrat Umum” kedaulatan suara rakyat lebih tinggi daripada raja dan birokrasi.
- Menentang pemerintahan autokratik Raja Louis XVI (1774-1792) dan golongan bangsawan.
- Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.

- Golongan revolusi mengempur penjara Bastille dan membebaskan tahanan politik dan menggulingkan Raja Louis XVI. Muncul Republik Perancis.

2.3 PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA'

NASIONALISME DI INDIA

- Dahagi India 1857 – pemberontakan oleh sepoi @ askar upahan British berbangsa India terhadap pengaruh British terhadap adat, budaya dan agama masyarakat setempat.
- Isu Sosioagama – Brahmo Samaj dan Arya Samaj
- Penghujung abad ke-19 - Kemunculan golongan intelektual – Konges Kebangsaan India / Indian National Congress (INC) 1885 / Liga Muslim 1906
- Radikal – Militan – Bal Gangadhar Tilak Bipin Chandra Pal.
- Selepas Perang Dunia 2 – INC tidak kerjasama dengan British – Mahatma Gandhi (Satyagraha-berpegang teguh kepada kebenaran dan penentangan tanpa keganasan)
- Seelpas Perang Dunia 2 - INC & Liga Muslim – Jawatankuasa pembahagian India.
- 14 Ogos 1947 – Pakistan – Muhammad ali Jinnah (gabenor Jeneral Pakistan)
- 15 Ogos 1947 – India – Jawaharlal Nehru – Perdana Menteri India

NASIONALISME DI CHINA

- Mengukuhkan peradaban China dari ancaman kuasa asing
- Menentang Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) – gagal menghalang pengaruh Barat
- Dr Sun Yat Sen – Tiga Prinsip Rakyat – (San Min Chu-i) Nasionalisme, Demokrasi, Sosialisme.
- Revolusi China 1911 – menumbangkan Dinasti Manchu dan diganti pemerintahan republik di China.

NASIONALISME EMPAYAR UTHMANIYAH DAN MESIR

- Mempertahankan pemerintahan Islam agama Islam dari ancaman barat – lahir gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah

GERAKAN ISLAH

- a. Gerakan pemulihan Islam – Sayyid Jamal al-Din al-afghani, Sheikh Muhammad Abduh.
- b. Menyeru umat Islam berpegang kepada al-Quran , Hadis

GERAKAN PAN-ISLAMISME

- a. 1883 – kumpulan al-Urwah al-Wuthqa (Ikatan yang kuat) – memperkuat rasa persaudaraan dan membawa kemajuan.
- b. Akhbar al-Urwah al-Wuthqa – Idea Pan -Islamisme - bangkit menentang kuasa barat di seluruh dunia.
- c. 1914- fatwa empayar Uthmaniyah – umat Islam yang ditindas bangkit bersama empayar Uthmaniyah.
- d. Khalifah Abdul Hamid II – penggerak idea Pan-Islamisme.

NASIONALISME DI JEPUN

- Maharaja Mikado Meiji (gerakan pemulihan Jepun) – pemodenan mengikut model Barat.
- Prinsip dan semangat bushido – sikap sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita dan berkorban untuk ketua dan negara.
- Pemulihan Meiji – Jepun menjadi negara perindustrian dan kuasa tentera – awal abad ke-20.
- Desakan ekonomi dan nasionalisme melampau – Jepun menjadi kuasa imperialis di Asia.

2.4 PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

Tahap Perkembangan Nasionalisme

Tahap 1	Tahap 2
<ul style="list-style-type: none"> - <u>Sederhana</u> - <u>Terbuka</u> - <u>Setempat</u> - <u>Tidak berorganisasi</u> - Isu budaya / agama / hak peribumi sebagai pencetus - Dipimpin golongan pertengahan yang berpendidikan Barat dan Asia Barat - tekankan kesedaran politik daripada tindakan politik - tuntutan hak² mereka dikembali dan taraf hidup dibaiki - Tidak menuntut merdeka 	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Radikal</u> - <u>Berorganisasi</u> - Sebab : kegagalan tahap 1 yang sederhana gagal - Dipimpin golongan pendidikan/pengetahuan luas budaya dan ilmu Barat - sedar perubahan yang dibuat penjajah serta kesannya terhadap bangsa dan negara - Perjuangan lebih luas - <u>tuntut kemerdekaan</u> - <u>Membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat</u>

FILIPINA (mendahului negara lain)

a. Gerakan dakyah

- Dipimpin Jose Rizal
- Disokong golongan pertengahan berpendidikan Barat
- Tuntutan
 - i. Filipina dijadikan wilayah sepanyol
 - ii. bangsa Filipina diberi hak sama dengan bangsa Sepanyol
 - iii. diberi kebebasan bersuara
- tuntutan kurang mendapat tindakbalas Sepanyol

b. Liga Filipina (1892)

- Tujuan mendesak Sepanyol buat pembaharuan politik, eko, sosial
- Tindakan Sepanyol
 - i. Sepanyol rasa terancam lantas tangkap Jose Rizal dan buang negeri ke Dapitan Mindanao
 - ii. Jose Rizal dihukum bunuh atas tuduhan terlibat pemberontakan
- Kesan: gerakan dakyah berakhir tapi mencetuskan gerakan lebih radikal

a. Katipunan

- Ditubuh oleh Andres Bonifacio
- Radikal
- **Matlamat**
 - i. Menyatukan bangsa Filipina
 - ii. Mencapai merdeka dengan revolusi
- Cara: guna media cetak sebar fahaman revolusi
- Akhbar : Kalayan
- lancar Revolusi Filipina 1896 tapi gagal
- Katipunan makin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo

b. Peranan Aguinaldo

- *Dilantik Datuk Bandar di Cavite 1895*
- *Bersama Andres Bonifacio lancar pemberontakan*
- *Presiden Kerajaan Revolusi Filipina 1897*
- Mengadakan kerjasama dengan Amerika dan berjaya usir Sepanyol
- Kesan: mula penguasaan Amerika
- Aguinaldo buat Pengisytiharan Kemerdekaan Filipina 1899 tapi tak sah
- buat revolusi dan ditangkap

c. Penubuhan Parti Pltk Sederhana

- Amerika benarkan tubuh politik sederhana
- Sergio Osmena dilantik ketua Dewan Perhimpunan apabila Parti Nasionalis menang pilihanraya 1907.

d. Perjuangan nasionalis Filipina

- Tahun 1930an nasionalis Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan setelah pimpinan Amerika bertukar kepada lebih liberal

Burma	
Tahap 1	<p>Perjuangan oleh</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Golongan sami Buddha (pongyi) ii. golongan elit berpendidikan Barat iii. (Thakin) Siswazah universiti <p>Peranan Persatuan Belia Buddha (1906)</p> <ul style="list-style-type: none"> - ditubuhkan oleh golongan sami Buddha / kelas pertengahan berpendidikan Barat. - tujuan penubuhan <ol style="list-style-type: none"> a. <u>mengekalkan tradisi Buddha</u> b. <u>memajukan pendidikan rakyat</u> c. <u>mengekalkan kebudayaan Burma</u> <p>isu digunakan - ISU KASUT</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>sikap orang Inggeris yang datangkan kemarahan orang Burma kerana pakai kasut semasa masuki kuil Buddha di Burma</i> - 1916 dipimpin oleh nasionalis lebih radikal U Ba Pe - Mereka tubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-Kesatuan Burma (1920) yang lebih radikal
Tahap 2	<p>Sebab kemunculan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Apabila Laporan Montagu-Chelsford menyetakan bahawa Burma masih belum bersedia memerintah sendiri <p>Revolusi Pelajar (1920)</p> <ul style="list-style-type: none"> - tuntutan tubuh 1 universiti untuk mereka <p>Pemberontakan Saya San</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gerakan oleh golongan sami Buddha - Melalui Majlis Am Sangha Samagyi. - Diketuai Saya San (bekas pongyi) dan pemimpin di Tharawaddy - Disokong oleh golongan. petani kerana pelbagai cukai.

	<p>Liga Anti Pemisahan (Perlembagaan Burma 1935)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Anggap pemisahan dengan India hanya akan melewatkan kemerdekaan - Pengenalalan perlembagaan Burma memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri <p>Peranan golongan Thakin (siswazah universiti)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (1935) (Kami Orang Burma) untuk menuntut kemerdekaan - Pemimpin <ol style="list-style-type: none"> i. Aung San <ul style="list-style-type: none"> - Aktif dalam gerakan Blok Pembebasan yang menuntut merdeka - Ketua Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fasis kerana kecewa dengan sikap Jepun - Ketua rombongan merdeka dan tubuhkan kerajaan baru Burma – Burma mesti bertuankan orang Burma. ii. Kyaw Nein iii. U Nu <ul style="list-style-type: none"> • Gelaran “Tuan” - Dr Ba Maw menang pilihanraya 1937 dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama
--	---

IndoChina						
Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> - Tertumpu di Vietnam - Golongan pejuang <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="width: 30%;">i. Golongan bangsawan</td> <td rowspan="2" style="text-align: center; vertical-align: middle;"><u>Memperjuangkan pemulihan sistem beraja</u></td> </tr> <tr> <td>ii. Golongan Mandarin</td> </tr> <tr> <td>iii. Golongan menengah pendidikan Barat</td> <td> Ketua gerakan Phan Boi Chau <ul style="list-style-type: none"> - Memimpin revolusi tapi gagal - Menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi - Akhbar – Tribune Indige / Cloche Felee. - Melancarkan <u>pemberontakan</u> di Tongkin - Melancarkan <u>gerakan dakyah</u> di Vietnam - Tindakan Penjajah pada beliau <ol style="list-style-type: none"> i. Dipenjara ii. VNQPH diharamkan </td> </tr> </table> 	i. Golongan bangsawan	<u>Memperjuangkan pemulihan sistem beraja</u>	ii. Golongan Mandarin	iii. Golongan menengah pendidikan Barat	Ketua gerakan Phan Boi Chau <ul style="list-style-type: none"> - Memimpin revolusi tapi gagal - Menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi - Akhbar – Tribune Indige / Cloche Felee. - Melancarkan <u>pemberontakan</u> di Tongkin - Melancarkan <u>gerakan dakyah</u> di Vietnam - Tindakan Penjajah pada beliau <ol style="list-style-type: none"> i. Dipenjara ii. VNQPH diharamkan
i. Golongan bangsawan	<u>Memperjuangkan pemulihan sistem beraja</u>					
ii. Golongan Mandarin						
iii. Golongan menengah pendidikan Barat	Ketua gerakan Phan Boi Chau <ul style="list-style-type: none"> - Memimpin revolusi tapi gagal - Menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi - Akhbar – Tribune Indige / Cloche Felee. - Melancarkan <u>pemberontakan</u> di Tongkin - Melancarkan <u>gerakan dakyah</u> di Vietnam - Tindakan Penjajah pada beliau <ol style="list-style-type: none"> i. Dipenjara ii. VNQPH diharamkan 					

Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> - Sebab radikal: parti² politik sederhana mendapatkan kerjasama Perancis gagal - Parti <ul style="list-style-type: none"> i. Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) – demokrasi, nasionalisme, dan sosialisme. – Pemberontakan pada tahun 1930 dan menubuhkan kerajaan republik Vietnam. ii. Menangkap pemimpin VNQDD iii. Hukum bunuh Nguyen Thai Hoc i. Parti Komunis Vietnam (PKV) -Republik Demokratik Vietnam di Hanoi, Vietnam Utara. (Presiden Pertama – Ho Chi Minh) ii. Vietnam Selatan (Saigon) – Perancis dan Amerika Syarikat. iii. Cuba tangkap Ho Chi Minh mnybbkan terpaksa lari ke Hong Kong <ul style="list-style-type: none"> - Kesan sikap keras Perancis menybbkan gerakan nasionalisme kembali bercorak sederhana sehingga terbentuk Republik Vietnam 1976.
------------	---

Indonesia	
Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> - Tumpu isu pendidikan yang boleh mengubah nasib rakyat <p>a. Raden Adjeng Kartini</p> <ul style="list-style-type: none"> - usaha majukan pendidikan wanita - Karya <ul style="list-style-type: none"> i. Habis Gelap Terbitlah Terang 1911 – Letter of Javanese Princess <p>Peranan Karya tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. dedah kemunduran rakyat l'sia ii. penindasan penjajah Belanda <ul style="list-style-type: none"> - perjuangannya beri inspirasi pejuang selepasnya untuk menubuhkan pertubuhan tersusun <p>b. Muhammadiyah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Matlamat <ul style="list-style-type: none"> i. <u>sebarikan Islam yang sebenar</u> ii. <u>menghindari ancaman sekularisme Barat</u> iii. <u>hindari ancaman agama Kristian</u>
Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> - perjuangan parti politik radikal <ul style="list-style-type: none"> a. Sarekat Islam b. Partai Komunis Indonesia c. Partai Nasionalis Indonesia

	<ul style="list-style-type: none"> - Parti menuntut merdeka sekalipun dengan cara kekerasan <p><u>Peranan Soekarno</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - tubuh Partai Nasionalis Indonesia 1927 - 1928 – Kongress Pemuda Indonesia – Sumpah Pemuda – 1 tanah air, 1 bangsa, 1 bahasa. - Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI)- gabungan organisasi/parti politik – menuntut kemerdekaan - Pejuang radikal - Dipenjarakan Belanda 1929-1931 - Dibuang ke Flores (I'sia) 1934 - Istihar merdeka Indonesia 17 Ogos 1945 - Presiden Indonesia I 1949 <p>Tindakan Belanda terhadap pejuang</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Tangkap pemimpin radikal ii. Mengharamkan PNI
--	--

Thailand –Tidak dijajah Birokrasi Barat diperkenal sendiri oleh Raja			
<ul style="list-style-type: none"> - Lantik 80 penasihat Barat ketua pelbagai jabatan - Melantik pegawai tempatan <ol style="list-style-type: none"> a. Britain - Penasihat Kewangan <ul style="list-style-type: none"> -Penasihat pelabuhan -Polis -Guru – pendidikan barat b. Amerika - Kastam c. Perancis - Ketenteraan 			
Memperkenalkan			
Majlis Penasihat Rendah	<u>Merupakan Penasihat raja dalam pentadbiran</u>		
Majlis Mesyuarat Tertinggi			
Kabinet Menteri	Terdiri daripada golongan bangsawan berpendidikan Barat yang ketua kementerian		
<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Barat <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 5px;"> <tr> <td style="width: 20%;">Britain</td> <td>- Juruaudit untuk perbendaharaan negara</td> </tr> </table> - Muncul golongan baru terdiri daripada pentadbir yang mempunyai kedudukan dalam birokrasi moden berdasarkan tahap pendidikan - <u>Sistem Raja Berpelembagaan</u> ganti sistem raja kuasa mutlak 		Britain	- Juruaudit untuk perbendaharaan negara
Britain	- Juruaudit untuk perbendaharaan negara		

<p>- Kesannya</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <u>mengurangkan pengaruh pembesar tradisional</u> ii. <u>mengurangkan pengaruh institusi raja</u> iii. Thailand kekal merdeka 	
<p>Thailand-berbeza dengan gerakan nasionalisme negara lain di AT yang bersifat antipenjajah</p>	
<p>Tahap 1</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan kegelisahan rakyat terhadap <ul style="list-style-type: none"> i. penguasaan politik oleh kerabat diraja ii. penentangan terhadap raja berkuasa mutlak iii. Kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh. - perkembangan pendidikan Barat memberikan pendedahan terhadap golongan intelek terhadap <ul style="list-style-type: none"> i. <u>fahaman liberal</u> ii. <u>sistem demokrasi</u> iii. <u>sistem raja berpelembagaan</u> - sebab rakyat tidak puas hati <ul style="list-style-type: none"> i. kelemahan sistem pentadbiran ii. sikap boros Raja Vajiravudh - kesan Penubuhan Parti Rakyat 1932 - Peranan Parti Rakyat <ul style="list-style-type: none"> o dipimpin <ul style="list-style-type: none"> i. Nai Pridi Panomyong ii. Field Marshall Phibulsongkram o melancarkan Revolusi Thai 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak dan pentadbiran dijalankan oleh Perdana Menteri.
<p>Tahap 2</p>	<p>Sebab rakyat tidak puas hati</p> <ul style="list-style-type: none"> - cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina <p><u>Peranan Phibul Songram</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Perdana Menteri - Meluluskan udg² sekat kebebasan dan penguasaan ekonomi orang Cina - Sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan - Peribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi - Jawatan dalam kerajaan hanya untuk penganut agama Buddha - 1939 menukar nama Siam kepada Thailand (Tanah Bebas) - Bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia ke 2 - Berjaya dapatkan semula wilayah² di IndoChina dan Tanah Melayu

2.5 KESEDARAN NASIONALISME DI NEGARA KITA

- bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
- Sultan Muzaffar Shah cuba mendapatkan kembali Melaka dari Portugis – gagal
- Sultan Abdullah Mukarram shah cuba mendapatkan kembali Pulau Pinang dari SHTI – gagal
- Pejuang tempatan spt Dato Maharaja Lela, Dol Said dsbg – penentangan setempat tetapi gagal.
- Awal abad ke 20 - Gerakan Islah, penulisan kreatif dan akhbar, pertubuhan sosioekonomi menggerakkan semangat nasionalisme.

2.6. FAKTOR KEMUNCULAN GERAKAN NASIONALISME

Faktor	Huraian
Pengenalan sistem politik Barat	<ul style="list-style-type: none"> - 1874 Sir Andrew Clarke memperkenalkan sistem politik Barat dan musnahkan politik tradisi - <u>Residen ambil kuasa pembesar</u> - Pembesar diberi pencen dan diganti pegawai British - <u>Ini mencabar amalan tradisi dan jatuhkan maruah</u>
Perkembangan sistem pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan Moden Islam – madrasah al-Attas (JB-1914), Madrasah al-Masyhur PP-1916, Madrasah al-Idrisiyah (K.Kangsar 1926) – kunjungan ulama Kaum Muda (Sumatera Barat) Pelajar dr Mesir – idea kemajuan dan pemodenan. - Pendidikan Inggeris dan vernakular Melayu lahirkan golongan intelek Melayu yang mampu fikir tentang kemajuan bangsa - Raffles Institution di SG, MCKK, SITC – menuntut hak untuk pendidikan, mendesak British melakukan perubahan. - Mereka guna idea baru untuk maju dan menolak British
Dasar British	<ul style="list-style-type: none"> - British galakkan sesiapa sahaja datang ke Tanah Melayu - <u>Kemasukan imigran timbulkan persaingan pada penduduk</u> - Mereka kuasai ekonomi dalam lombong timah (Cina), getah (India – buruh kasar / ladang), perniagaan - Orang Melayu kekal tanam padi yang tdk dimajukan British - British buka bandar baru (pusat pentadbiran) sedangkan Melayu tinggal miskin di kampung. - Kemajuan ekonomi (perniagaan / prasarana) meningkatkan taraf hidup di bandar - Kesan <u>wujud jurang luar bandar dengan imigran / penduduk di bandar</u>

	<ul style="list-style-type: none"> - Melayu mundur - Disadari golongan intelek dan jadi isu nasionalisme
Pendudukan Jepun	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep Kawasan Kesemakmuran Asia yang tekankan kebebasan negara² Asia untuk kemajuan dan persaudaraan - Jepun galakkan orang tempatan bekerjasama dan janji akan beri merdeka - Tapi kesengsaraan / kekejaaman Jepun sebabkan penduduk benci penjajah Barat / Timur - Semua penjajah zalim / menekan hidup penduduk - Orang Melayu menentang British apabila ingin memperkenalkan Malayan Union
Penguasaan Parti Komunis Malaya	<ul style="list-style-type: none"> - PKM berkuasa selama 14 hari bangkitkan semngat dan memulakan penyebaran ideologi komunis - PKM kuasai balai² polis dan kejam (bunuh / tangkap sesiapa sokong Jepun) - <u>la mencetuskan konflik perkauman</u> - Orang Melayut erbunuh / rumah dibakar komunis - Serangan mereka dibalas oleh orang Melayu di Perak, Johor, N9, Pahang
Kemunculan mesin cetak	<ul style="list-style-type: none"> - Ilmu pengetahuan disebar dan mendorong penentangan - Melalui buku, majalah, kitab agama idea disebar
Peranan Agama	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk pemahaman tentang Islam untuk menentang penjajah Barat ke atas negara Islam - Di dokong pelajar Islam seluruh dunia - Gerakan reformis dimulakan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Rashid Rida, Syeikh Muhammad Abduh (pensyarah U. Al-Azhar) - Tulisannya mengupas tentang Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia akhirat - Tulisan beliau disebar dalam akhbar al-Manar - Gerakan Wahabi di Arab Saudi matlamatnya sama
Kesedaran politik serantau	<ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran politik di Indonesia - Indonesia rapat dari segi geografi dan budaya - Kesedaran politik dan pendidikan Indonesia lebih matang <u>melahirkan ramai golongan intelektual</u> - Mereka terdiri daripada penulis dan karya mereka jadi bahan bacaan masyarakat Tanah Melayu terutama golongan pendidikan vernakular Melayu - Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajah dalam tulisan mereka tersebar dan dihayati masy tempatan - Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan <u>penerimaan kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu</u>

2.7. PERKEMBANGAN NASIONALISME

GERAKAN ISLAH DALAM MENINGKATKAN MINDA BANGSA

Maksud	Gerakan yang berusaha mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan terhadap Islam
Penggerak	<p>i. Sheikh Tahir Jalaludin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menulis akhbar al-Manar - Pendukung al-Imam <p>ii. Syed Syeikh al-Hadi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menubuhkan Jelutung Press - Menerbitkan Saudara - Dirikan Madrasah al-Masyhor di P. Pinang - Menulis Hikayat Faridah Hanum <p>iii. Dr. Burhanuddin al-Helmy</p>
Gelaran	Kaum Muda
Akhbar / majalah	<p>i. Al-Imam</p> <p>ii. Neracha</p> <p>iii. Idaran Zaman</p> <p>iv. Pengasuh</p>
Idea	<p>i. <u>sampaikan idea / menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia</u></p> <p>ii. <u>Gesaan memajukan ekonomi, pendidikan, politik, sosial orang Melayu</u></p> <p>iii. Menyematkan sikap mengkritik penjajah dalam fikiran orang Islam</p> <p>iv. Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan memajukan orang Melayu</p>
Masalah	<p>i. <u>Ditentang Kaum Tua</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Kaum Tua terdiri dr golongan ulama - Mereka menguasai masyarakat dengan fahaman bahawa Islam adalah tentang akhirat dan menekankan fardu ain shj - Sukar untuk Kaum Muda pengaruhi masyarakat Melayu <p>ii. <u>Tekanan British/ Undang²</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Gerakan dpt bergerak di Negeri² Selat shj - menghalang gerakan bergerak di Negeri² Melayu - tidak benarkan kegiatan dakwah dilakukan tanpa kebenaran Sultan - tidak membenarkan risalah dan buku kaum muda di bawa masuk ke Negeri² Melayu
Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> - menubuhkan madrasah - madrasah menjalankan sistem pendidikan dunia dan akhirat spt fardu ain, ilmu hisab, bhs Inggeris - beri peluang pelajar perempuan mendapat pendidikan - tekanan British dan Kaum Tua tdk dapat halang sepenuhnya gerakan terutama bentuk pendidikan

AKHBAR

Wartawan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) 2) Dato Onn Jaafar 3) Abdul Rahim Kajai 4) Penulis2 di Sarawak
Tulisan mereka	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Membangkitkan kesedaran majukan diri dan bersatu padu</u> - <u>Mengkritik dasar British yang menekan orang Melayu</u>
Persoalan	- Sosial/pendidikan, Ekonomi, Politik
Tujuan	- Menyedarkan dan memajukan bangsa Melayu
Nama akhbar	<ul style="list-style-type: none"> - Warta Malaya - Lembaga Malaya - Majlis - Utusan Melayu - Warta Negara - Fajar Sarawak
Sosial / pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pendidikan tinggi Melayu 2) Pendidikan anak perempuan 3) Seru Melayu tinggalkan sikap negatif (pilih kerja / tidak mahu usaha) 4) Tabung untuk pendidikan anak² 5) Kemahiran tradisional Melayu (pertukangan / kerja tangan) 6) Pendidikan Inggeris untuk maju 7) Taraf sek Melayu dibaiki dan diberi taraf ekonomi 8) Martabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British 9) Seru orang Melayu tidak tinggalkan pendidikan Islam 10) Kekalkan nilai baik Melayu
Ekonomi	<ol style="list-style-type: none"> 1) Galak syarikat kerjasama 2) Minta British kurangkan kemasukan orang dagang kerana boleh ancam ekonomi tempatan 3) Galakkan perniagaan orang Melayu 4) Larang orang Melayu jual tanah 5) Seru orang Melayu berjimat 6) Minta British adakan kg khas Melayu di Kuala Lumpur
Politik	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kritik British kerana kurangkan kuasa raja² Melayu 2) Kritik pembesar / raja kerana tdk laksana kepimpinan sewajarnya untuk rakyat

	<p>3) Tolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan</p> <p>4) Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) untuk lindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan</p> <p>5) Seru orang Melayu bersatu dalam pertubuhan kebangsaan</p> <p>6) Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan</p>
--	---

MAJALAH

Fokus	Memajukan bangsa melalui rencana dan puisi				
Jumlah terbitan	1940an terdpt 120 buah majalah				
Isu	Kemajuan bangsa dalam pendidikan, ekonomi, bahasa, sastera, politik antipenjajahan dan orang asing				
Majalah Guru	<table border="1"> <tr> <td>Pengarang</td> <td> i. Muhamad Dato' Muda Linggi ii. Yusuf Ahmad iii. Mohd Saidin Rashid </td> </tr> <tr> <td>Isu</td> <td> - Pendidikan anak² Melayu - Perpaduan orang Melayu - Semnagat cinta negara dan menentang penjajah - Baiki taraf hidup Melayu - Majukan bahasa dan sastera Melayu - Galakkan perpaduan guru sebagaipemimpin bahasa </td> </tr> </table>	Pengarang	i. Muhamad Dato' Muda Linggi ii. Yusuf Ahmad iii. Mohd Saidin Rashid	Isu	- Pendidikan anak ² Melayu - Perpaduan orang Melayu - Semnagat cinta negara dan menentang penjajah - Baiki taraf hidup Melayu - Majukan bahasa dan sastera Melayu - Galakkan perpaduan guru sebagaipemimpin bahasa
	Pengarang	i. Muhamad Dato' Muda Linggi ii. Yusuf Ahmad iii. Mohd Saidin Rashid			
Isu	- Pendidikan anak ² Melayu - Perpaduan orang Melayu - Semnagat cinta negara dan menentang penjajah - Baiki taraf hidup Melayu - Majukan bahasa dan sastera Melayu - Galakkan perpaduan guru sebagaipemimpin bahasa				
Pengasuh	<table border="1"> <tr> <td>Pengarang</td> <td>Dato' Nik Mohamad</td> </tr> <tr> <td>Isu</td> <td> - Soal pentafsiran Islam yang progresif bg kemajuan ummah - Galak pendidikan Melayu - Perluas ilmu dalam semua bidang - Beri tafsiran kepada persoalan orang Islam - Gesa Melayu jauhkan diri dr sifat buruk </td> </tr> </table>	Pengarang	Dato' Nik Mohamad	Isu	- Soal pentafsiran Islam yang progresif bg kemajuan ummah - Galak pendidikan Melayu - Perluas ilmu dalam semua bidang - Beri tafsiran kepada persoalan orang Islam - Gesa Melayu jauhkan diri dr sifat buruk
	Pengarang	Dato' Nik Mohamad			
Isu	- Soal pentafsiran Islam yang progresif bg kemajuan ummah - Galak pendidikan Melayu - Perluas ilmu dalam semua bidang - Beri tafsiran kepada persoalan orang Islam - Gesa Melayu jauhkan diri dr sifat buruk				
Bulan Melayu	<table border="1"> <tr> <td>Pengarang</td> <td>Zainon Sulaiman</td> </tr> <tr> <td>Isu</td> <td> - Galak perpaduan guru perempuan Melayu Johor - Galak wanita mendpt pendidikan untuk maju diri - Dorong wanita jaga kesopanan dengan nilai² Islam dan budaya Timur - Galak wanita jadi obor kemajuan bangsa </td> </tr> </table>	Pengarang	Zainon Sulaiman	Isu	- Galak perpaduan guru perempuan Melayu Johor - Galak wanita mendpt pendidikan untuk maju diri - Dorong wanita jaga kesopanan dengan nilai ² Islam dan budaya Timur - Galak wanita jadi obor kemajuan bangsa
	Pengarang	Zainon Sulaiman			
Isu	- Galak perpaduan guru perempuan Melayu Johor - Galak wanita mendpt pendidikan untuk maju diri - Dorong wanita jaga kesopanan dengan nilai ² Islam dan budaya Timur - Galak wanita jadi obor kemajuan bangsa				

NOVEL

Perkembangan	- Awal abd 20 dan rancak 1930an
Mesej	- Semangat kebangsaan yang patut dimiliki generasi muda masa itu - Sikap menentang penjajah dalam apa bentuk sekalipun dituntut untuk bela maruah bangsa - Wanita digalakkan bersikap positif untuk memajukan diri bagi membangunkan negara
Keris Melaka Ahmad Bakhtiar	Tema - Semangat juang menentang penjajah spt Portugis - Hargai sumbangan tokoh ² Melaka spt Hang Tuah - Guna sejarah sebagai inspirasi untuk dorong semangat juang bangsa bagi generasi Muda
Anak Mat Lela Gila Ishak Haji Muhammad	Tema - Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan - Hargai warisan bangsa sendiri - Mencintai tanah air - Menolak kesenangan demi maruah bangsa
Putera Gunung Tahan Ishak Haji Muhammad	Tema - Semangat wira pemuda tempatan dalam m'jaga maruah bangsa - Mencintai tanah air - rasa bangga dengan kebolehan sendiri - 1 gadis tempatan menolak cinta pegawai penjajah kerana tdk mahu jatuhkan maruah bangsa
Melor Kuala Lumpur Harun Aminurashid	Tema - Emansipasi / kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupan - Wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikan dirinya - buang pandangan negatif yang boleh halang kemajuan bangsa

PERJUANGAN NASIONALISME OLEH PERSATUAN-PERSATUAN MELAYU

Isu	- Ekonomi - Pendidikan - Bahasa	- Sastera - Perpaduan - Pembelaan politik bangsa
------------	---------------------------------------	--

KESATUAN MELAYU SINGAPURA (KMS)	
Tahun	1926
Pengasas	i. Mohammad Eunos Abdullah ii. Tengku Abdullah Kadir iii. Embok Suloh
Golongan	Pendidikan Inggeris

Tujuan	<u>Menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura</u>
Peranan	<ul style="list-style-type: none"> - Mohammad Eunos menjadi wakil Ahli Majlis Perundangan Negeri² Selat sebagai wakil orang Melayu - Melalui desakannya kebajikan orang Melayu Singapura mendapat perhatian British
Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau memperoleh sebuah kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura - Mendorong penubuhan cawangan di Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Melayu lain.

PERSATUAN SAHABAT PENA MALAYA (PASPAM)

Tahun	1934
Pengasas	S.M Zainal Abidin B.A
Golongan	Cerdik pandai Pulau Pinang
Tujuan	<u>Menggalakkan ahlinya berkenal-kenal dan bertukar pendapat bagi memajukan diri dan bangsa</u>
Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> - galakkan perpaduan/ persaudaraan di kalangan orang Melayu di seluruh Sem Tanah Melayu - Mendapat sambutan kerana oranganisasinya yang kemas dan mempunyai perlembagaan sendiri - Tidak bersifat politik tapi kegiatan sosialnya menjadi asas kepada kesedaran perpaduan Melayu

PERSATUAN NEGERI

Negeri	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
Tahun	Perak (1937), Selangor (1938), Negeri Sembilan (1938) , Pahang (1938)
Tujuan	<u>Menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam ekonomi, pendidikan, perkhidmatan kerajaan</u>
Kesan	Menggalakkan perpaduan di kalangan orang Melayu

SARAWAK (perkembangan lebih baik dr Sabah)

PERSATUAN MELAYU MIRI (SARAWAK) 1936

PERSATUAN MELAYU SARAWAK 1939	
Idea	Hasil dr pengaruh persatuan ² negeri Semenanjung
Ketua	Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> - Idea penubuhan timbul sejak 1937 tapi gagal dilaksana kerana dibantah oleh Brooke - Hanya naungan Datu Patinggi Abang Abdillah Brooke setuju mendaftarnya - Pernah hadiri Kongres Melayu 1940 di Singapura
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Mengeratkan perpaduan Melayu</u> - <u>Menggalakkan pendidikan</u> - <u>Menjaga budaya dan maruah bangsa</u> - <u>Menegakkan ajaran Islam</u>
Kejayaan	Mendapat sambutan orang Melayu Sarawak di daerah Kuching

SABAH

CAWANGAN PERSATUAN SAHABAT PENAN	
Tempat	- Jesselton (Kota Kinabalu) - Labuan - Tawau
Kegiatan	- Mirip kegiatan persatuan di Semenanjung
Anggota	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai rendah kerajaan - Guru sekolah Melayu
kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> - Kegiatan tidak tersebar ke kawasan pedalaman kerana <ul style="list-style-type: none"> i. kesulitan perhubungan dan ii. taraf pendidikan masih rendah

KESATUAN MELAYU MUDA (KMM) 1939	
Pemimpin	Ibrahim Haji Yaakob (wartawan akhbar Majlis di KL)
Ilham	- ilham Sultan Djenain (pelarian politik Indonesia)
Objektif utama	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung</u> ii. <u>meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu</u>
Daftar	Didaftarkan oleh Mustapha Hussein (Naib Ketua KMM) pd Disember 1940
Tujuan	Lebih bersifat politik
Perkembangan	- bekerjasama dengan Jepun untuk halau British

	<p>- tindakan KMM</p> <ol style="list-style-type: none"> i. menjadikan KMM salah sebuah badan propaganda Jepun ii. membeli Warta Malaya sebagai alat propaganda anti-British iii. mengelilingi T. Melayu mencari sokongan iv. penubuhan cawangan KMM bg meluaskan propaganda menentang British v. menjadikan Maahad II Ihya Assyariff (Gunung Semanggol Perak) jadi penyokong KMM dengan menyediakan kader² (tentera semut) untuk menentang British
Kesan	<p>ahli ditangkap British pd akhir 1941</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Ibrahim Haji Yaakob ii. Ishak Haji Muhammad iii. 150 penyokong KMM <p><u>Hukuman</u> Mereka dipenjarakan di Changi, Singapura</p>

KONGRES MELAYU

Tarikh	<ol style="list-style-type: none"> 1. 1939 2. 1940
Peristiwa	Kemuncak kesedaran kebangsaan orang Melayu menjelang Perang Dunia ke 2
Persoalan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi 2. Layanan pilih kasih British kepada anak negeri
Mendapat sokongan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Golongan intelek 2. Akhbar Melayu
Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> - Menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi masalah sosioekonomi dan politik yang lemah - Orang Melayu dapat mengatasi perasaan kenegerian yang memisahkan mereka selama ini

Kesan penubuhan persatuan / badan sosial

1. Mengalakkan kesedaran serantau untuk bersatu membela kepentingan mereka dalam semua bidang
2. Perpaduan bangsa Melayu dengan adanya perbincangan tentang soal kebangsaan pd peringkat Sem.Tanah Melayu
3. Tanda kesepakatan orang Melayu seluruh Semenanjung dalam satu gerakan nasionalisme

GERAKAN NASIONALISME SEMASA PENDUDUKAN JEPUN

Tahun: 1941-1945

1. Dasar Pemerintahan Tentera Jepun

- Haramkan semua akhbar sebelumnya
- Tukar nama akhbar tempatan kepada nama Jepun spt Malai Shimbun (Utusan Melayu)
- Semua sekolah guna bhs Jepun sebagaipengantar
- Nilai Jepun diperkenalkan
- Menyekat kebebasan bersuara penduduk Tanah Melayu
- Hanya beri kebebasan kepada pertubuhan yang menyokongnya dan yang bergerak di bawah pengawasannya
- Cth: Ahmad Boestaman telah menubuhkan Barisan Pemuda Perak bagi menyatukan pemuda² Melayu. Mereka dilatih berkawad sebagaitentara sukarela Jepun

2. Akibat tekanan Jepun

- Muncul gerakan bawah tanah menentang Jepun

MPAJA (malayan People's Anti-Japanese Army)	<ul style="list-style-type: none"> - Ditubuhkan oleh PKM - Menentang Jepun - Disokong British dengan bantuan senjata - Lancar perang gerila terhadap Jepun
Bintang 3	<ul style="list-style-type: none"> - Terdiri dr 3 kaum (Melayu, Cina, India)
Force 136	<ul style="list-style-type: none"> - Oleh orang Melayu - Ahli – pegawai ² tadbir Melayu - Berkerjasama dengan British - Secara geila di hutan - Aktif di Kedah, Johor , Pahang
Pasukan Wataniah Pahang	<ul style="list-style-type: none"> - Pasukan sukarela menentang Jepun - Ahli- <ul style="list-style-type: none"> i. guru, ii. pegawai tadbir kerajaan, iii. orang kampung yang sedar penindasan Jepun

MELAYU RAYA / INDONESIA RAYA

- slogan / cita² politik sebahagian kecil orang Melayu
- mereka mahu hidupakan semula kegemilangan empayar Melayu spt Majapahit, Srivijaya, Melaka
- idea bermula di Maktab Perguruan Sultan Idris oleh Abdul Hadi Hassan (Pensyarah ilmu Tawarikh [sejarah])

Langkah pembentukan

- Akhir pendudukan Jepun , usaha beri kemerdekaan kepada Indonesia dijalankan
- Ibrahim Haji Yaakob minta Jepun beri kemerdekaan kepada Tanah Melayu bersama Indonesia
- Bersesuaian matlamat asal KMM untuk menubuhkan Melayu Raya / Indonesia Raya

Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

- Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan
- Mengadakan kongres pemuda KRIS di Kuala Lumpur bagi membincangkan persediaan kemerdekaan dengan Indonesia
- Indonesia isytihar kemerdekaan 17 Ogos 1945
- Oleh kerana Jepun kalah mendadak Soekarno istihar merdeka lebih awal 13 Ogos 1945
- Menyebabkan persidangan KRIS di KL dibatalkan
- Ibrahim Haji Yaakob dan isteri dan orang kanannya berlindung di Indonesia
- Gagasan gagal

Sebab kegagalan Melayu Raya / Indonesia Raya

- Jepun kalah mendadak
- British kembali menguasai Tanah Melayu

Ptw penyerahan Jepun kepada British

- Jeneral Itagaki menyerahkan pedang kepada Leftenan Jeneral Messary, Pegawai Pemerintah "Command" Malaya diikuti pegawai² Jepun yang lain di Victoria Institution, Kuala Lumpur pada 22 Februari 1946.

Rumusan

Pengetahuan.

Kebangkitan nasionalisme disebabkan

- Sistem pendidikan mendedahkan idea baru
- Kebangkitan Islam di Asia Barat dan serantau
- Peranan akhbar, majalah dan novel alat penyebaran idea
- Peranan persatuan negeri, badan sosial dan sastera terautr dan objektif lebih luas
- Pendudukan Jepun lahirkan gerakan bawah tanah

Iktibar

- Setiap kegiatan perlu berfokus pada matlamat
- Generasi hari ini harus mempunyai semangat nasionalisme

***For 100% Real 2020 Exam Tips,
Pre-order the Exam Tips Book which is more
details with questions and answers before
the price going up.***

www.andrewchoo.edu.my

012-3260392